

Konvensyen ILTIZAM 2026 pemangkin reformasi perkhidmatan awam

- Seruan seluruh perkhidmatan awam menghayati budaya 'Mudahkan, Jangan Susahkan' wajar dijadikan prinsip kerja di setiap peringkat pentadbiran

- Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam menjadi mekanisme mengenal pasti kelemahan, mengiktiraf kecemerlangan dan memastikan penambahbaikan berterusan



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Konvensyen ILTIZAM 2026 di Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini menjadi platform strategik menghimpunkan kepimpinan tertinggi perkhidmatan awam, kementerian, jabatan, agensi, institusi pengajian tinggi (IPT) serta wakil industri bagi membincangkan hala tuju reformasi pentadbiran negara.

Bertemakan 'ILTIZAM: Memacu Kecekapan, Akauntabiliti dan Reformasi Perkhidmatan Awam', konvensyen ini menegaskan pembaharuan sektor awam tidak boleh terhenti pada slogan atau perancangan semata-mata.

Reformasi perlu diterjemahkan melalui tindakan memudahkan urusan rakyat, mempercepat proses perniagaan dan meningkatkan keyakinan terhadap institusi kerajaan.

Kehadiran kira-kira 1,200 peserta membuktikan agenda meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan sistem penyampaian kerajaan adalah tanggungjawab bersama merentasi kementerian, agensi, industri serta akademik.

Ucapan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, memberikan gambaran jelas mengenai bentuk perkhidmatan awam diperlukan negara.

Penekanan beliau terhadap konsep akauntabiliti meningkatkan setiap kuasa, keputusannya dan tindakan penjawat awam adalah amanah mesti dipertanggungjawabkan.

Kepemimpinan beliau turut menyerlah melalui pendekatan reformasi praktikal, berorientasikan hasil dan berpaksikan keperluan rakyat. Seruan seluruh perkhidmatan awam menghayati budaya 'Mudahkan, Jangan Susahkan' wajar dijadikan prinsip kerja di setiap peringkat pentadbiran.

Setiap peraturan, syarat dan prosedur perlu dinilai sama ada benar-benar memudahkan rakyat atau sekadar menambah beban birokrasi.

Komitmen itu diperkukuh melalui Akta ILTIZAM Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (Akta 867) diwartakan pada 22 Mei 2025 dan

berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Disember tahun sama.

Akta ini menyediakan asas perundangan mengurangkan kerenah birokrasi serta meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan.

Reformasi kini bukan lagi sekadar arahan pentadbiran, sebaliknya diperkasakan melalui instrumen undang-undang yang menuntut pematuhan dan akauntabiliti.

Hasil pelaksanaan Agenda Reformasi Kerenah Birokrasi turut menunjukkan impak nyata. Sejak 2024, sebanyak 439 projek berjaya disiapkan dengan anggaran penjimatan kos pematuhan hampir RM3 bilion kepada rakyat dan komuniti perniagaan.

Penghargaan wajar diberikan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, yang memperkukuh pembangunan bakat, kompetensi dan budaya kerja penjawat awam.

Di bawah kepemimpinan beliau, JPA bukan sahaja pemucus modal insan sektor awam, malah sahaja pemucus kepada pembaharuan struktur organisasi, peningkatan prestasi serta pembangunan pemimpin masa depan.

Pengenalan Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (I-PPA) pula memperlihatkan komitmen kerajaan menilai prestasi institusi secara lebih tersusun.

Pengukuran ini bukan sekadar memberikan skor, sebaliknya menjadi mekanisme mengenal pasti kelemahan, mengiktiraf kecemerlangan dan memastikan penambahbaikan berterusan.

Keseluruhan agenda ini selari dengan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meletakkan reformasi tadbir urus, pendigitalan

Konvensyen ILTIZAM 2026 memperlihatkan kesatuan tekad antara kerajaan, perkhidmatan awam, industri dan akademik memperkukuh reformasi sektor awam

dan kesejahteraan rakyat sebagai teras Kerajaan MADANI.

Gagasan beliau untuk 'menggapi di langit, mengakar ke bumi' menuntut Malaysia mencapai pialawan global tanpa mengabaikan realiti dan keperluan rakyat.

Peningkatan kedudukan Malaysia ke tangga ke-15 dalam Penarafan Daya Saing Dunia 2026, termasuk peningkatan petunjuk kecekapan kerajaan dan birokrasi, membuktikan usaha reformasi mula membuahkan hasil.

Pada masa sama, Pelan Tindakan Malaysia Digital 2030: Ke Arah Negara AI memperlihatkan kesediaan kerajaan memperkasakan perkhidmatan dalam menghadapi era kecerdasan buatan, automasi dan ekonomi berasaskan data.

Universiti main peranan penting

Bagi menjayakan agenda ini, universiti memainkan peranan penting sebagai penyumbang idea, penyelidikan dan pembangunan bakat.

UUM mempunyai kekuatan dalam bidang pengurusan awam, perakaunan, kewangan, perundangan, audit, analitik data, logistik dan tadbir urus.

Sejajar dengan itu, Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) UUM menyasarkan peranannya sebagai pusat rujukan dasar awam dan transformasi perkhidmatan awam yang unggul.

Usaha itu diperkukuh melalui program Sarjana Pengurusan Awam yang melahirkan lebih 1,000 alumni sejak lebih dua dekad lalu, dengan ramai berkhidmat di kementerian, jabatan, agensi, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun.

SOG juga sedang memperkenalkan program Sarjana Dasar Awam bagi melahirkan pembuat dan pelaksana dasar yang lebih strategik, inklusif serta berasaskan bukti.

Kerjasama antara Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan UUM melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman turut membuka peluang kepada Graduan Diploma Pengurusan Awam melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana melalui pengiktirafan pembelajaran terdahulu dan pemindahan kredit.

Inisiatif ini mengerukuhkan sinergi JPA, INTAN dan UUM dalam pembangunan kepimpinan sektor awam. Konvensyen ini turut diperkaya menerusi dua wacana intelek yang membincangkan pelaksanaan Akta ILTIZAM serta usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Perbincangan menghimpunkan kerajaan, akademik dan industri memastikan cadangan diemukakan bukan sahaja kukuh dari sudut dasar, malah praktikal untuk dilaksanakan.

Pembentangan Resolusi Konvensyen oleh UUM pada penghujung program pula memastikan segalaapatan dan syor diterjemahkan kepada cadangan yang boleh dipertanggungjawabkan kerajaan serta agensi berkaitan.

Kesimpulannya, Konvensyen ILTIZAM 2026 memperlihatkan kesatuan tekad antara kerajaan, perkhidmatan awam, industri dan akademik memperkukuh reformasi sektor awam.

Kerjasama strategik ini diyakini mampu melahirkan perkhidmatan awam lebih cekap, berintegriti, berakauntabiliti dan terus mendapat kepercayaan rakyat.

